

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan/usaha pihak Kementerian menangani masalah akaun palsu dalam media sosial yang menimbulkan isu-isu dalam masyarakat kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan yang dijalankan bagi menangani kewujudan akaun palsu di media sosial adalah melalui kolaborasi dan kerjasama dengan penyedia platform media sosial seperti *Facebook*, *Google* dan *Twitter* terutamanya dalam usaha menurun atau memadamkan kandungan yang menyalahi undang-undang Malaysia, selari dengan terma perkhidmatan serta piawaian komuniti pihak penyedia platform-platform berkenaan yang berpangkalan di luar negara.

Tindakan yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah lebih berupa kepada rundingan dan permohonan kerjasama bagi mengambil tindakan sewajarnya termasuklah menyahaktifkan akaun palsu yang boleh melanggar terma dan syarat perkhidmatan serta piawaian komuniti penyedia platform.

Antara tahun 2019 sehingga September 2020, sejumlah **3,585** akaun-akaun yang menyamar telah disusuli tindakan oleh pihak SKMM. Daripada jumlah tersebut, 80% daripadanya telah dipadam dengan kerjasama pihak penyedia platform media sosial, selaras dengan terma-terma dan syarat platform masing-masing.

Selain maklumat daripada SKMM dan pengguna, pihak penyedia platform media sosial seperti *Facebook* juga turut memantau kandungan serta akaun yang terdapat di platform mereka, dan akan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya kandungan atau akaun yang dimuatnaik bertentangan dengan terma dan syarat serta piawaian komuniti yang ditetapkan oleh pihak mereka.

Di pihak penyedia platform media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter*, terdapat teknologi seperti *Artificial Intelligence* (AI) yang telah pun digunapakai bagi mengenalpasti akaun-akaun palsu di laman sosial kendalian mereka. Sebagai contoh, dari tahun 2018 sehingga suku kedua tahun 2020, *Facebook* dilaporkan secara proaktif telah menyahaktifkan lebih **13.037 bilion** akaun palsu secara global, yang mana 99.6% daripadanya dilaksanakan sebelum sebarang laporan dibuat oleh pengguna.